

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 13 APRIL 2022

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/04/945351/projek-ecrl-berjalan-lancar-ikut-jadual>

Projek ECRL berjalan lancar ikut jadual



Projek ECRL sedang dalam pembinaan di Tunjung, Kota Bharu. - NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

KOTA BHARU: Kerja pembinaan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) mencapai kemajuan infrastruktur mencecah 28.5 peratus, setakat ini, membabitkan empat negeri, iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), Datuk Seri Darwis Abdul Razak, berkata ia meliputi kerja cerucuk, tanah dan terowong sebelum projek terbabit dijadualkan siap sepenuhnya pada Disember 2026 dengan jajaran sepanjang 665 kilometer (km).

Beliau berkata, projek berkenaan kini berjalan lancar mengikut jadual ditetapkan, termasuk dari segi proses pengambilan tanah.

"Secara keseluruhan, kita tidak mengalami banyak masalah. Beberapa isu berbangkit dapat diselesaikan dengan kerjasama baik daripada semua pihak, terutama negeri yang terbabit projek itu.

"Bagi jajaran sepanjang 43.8km di Kelantan, kemajuan dicapai ketika ini ialah 21.5 peratus dan alhamdulillah, proses pengambilan tanah untuk jajaran utama telah selesai sepenuhnya.

"Saya ingin mengambil kesempatan untuk berterima kasih kepada kerajaan negeri dan semua agensi terbabit dalam melancarkan pelaksanaan projek ECRL di Kelantan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Berbuka Puasa Bersama Pengamal Media, di sini, malam tadi.

Mengulas lanjut, Darwis berkata, kerja pembinaan terowong terpanjang dikenali sebagai Terowong Genting yang membabitkan 16.3km dari Pahang ke Selangor, akan bermula bulan depan.

"Pembinaan terowong itu dijangka mengambil masa selama dua tahun setengah, membabitkan sepanjang 10km di Pahang dan enam kilometer di Selangor.

"Secara puratanya, kos pengambilan tanah ini sama seperti di negeri lain yang terbabit dan kita tidak menghadapi masalah besar," katanya.

Beliau berkata, sebaik saja projek itu siap dan dijangka beroperasi pada Januari 2027, ia boleh menampung seramai 5.6 juta penumpang setiap tahun, dengan memuatkan 440 penumpang bagi satu perjalanan membabitkan enam gerabak.

"Namun setakat ini, harga tiket belum ditetapkan lagi. Ia akan ditetapkan oleh kerajaan nanti," katanya.